

30/12/1999

Bahagian Paya Besar calon Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu - Kesediaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menerajui Umno mendapat sokongan apabila Umno Bahagian Paya Besar yang diketuai Setiausaha Agung parti, Tan Sri Khalil Yaakob, menyatakan hasrat untuk mencalonkannya sebagai presiden parti pada pemilihan tahun depan.

"Bahagian saya, Umno Paya Besar, InsyaAllah akan mencadangkan Perdana Menteri sebagai presiden Umno," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa di Kementerian Penerangan di Angkasapuri, di sini petang ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan, bagaimanapun, enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Semalam, Dr Mahathir dalam temu ramah dengan RTM di Jabatan Perdana Menteri, menyatakan kesudiannya mempertahankan jawatan presiden parti yang disandang hampir 19 tahun itu jika dicalonkan semula.

Khalil, apabila ditanya kemungkinan beliau akan bertanding merebut jawatan tertinggi dalam parti, berkata beliau adalah Setiausaha Agung Umno dan bertanggungjawab menguruskan pemilihan parti.

"Sebagai setiausaha agung saya bekerja untuk melicinkan dan membereskan tugas parti iaitu tanggungjawab saya yang penting," katanya sambil menambah beliau tidak ingin mencetuskan sebarang spekulasi.

Mengenai cadangan supaya pemilihan parti yang dijadualkan Jun tahun depan dipercepatkan, Khalil berkata perkara itu akan dirujuk kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk keputusan.

"Kita akan rujuk kepada MT yang akan membuat keputusan sama ada akan mempercepatkan persidangan itu atau tidak," katanya.

Beliau berkata, MT akan melihat segala aspek terutamanya dari segi persiapan dan pandangan ahli sebelum membuat keputusan mengenai tarikh perhimpunan agung itu.

Menurutnya, banyak urusan pentadbiran dan logistik yang perlu diselesaikan, termasuk urusan perhimpunan Pergerakan Pemuda Umno dan Wanita Umno jika pemilihan parti mahu dipercepatkan.

"Bagi pihak urusetia kita sedia menerima apa-apa saja arahan daripada MT," katanya.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus, yang turut hadir pada majlis itu berpendapat pemilihan parti wajar dipercepatkan bagi memudahkan parti melaksanakan pelbagai tanggungjawab terhadap rakyat.

Katanya, apabila soal pemilihan barisan pemimpin parti diselesaikan, Umno dan kerajaan akan dapat bergerak dengan lebih berkesan.

"Kita perlu memperkemas parti dan kedudukan Umno serta memperbetulkan pemikiran rakyat keseluruhan yang terpesong oleh pelbagai bentuk dakyah dan pembohongan parti pembangkang," katanya.

Pada majlis itu Khalil turut dihadihkan kek sempena ulang tahun kelahirannya yang ke-62 hari ini. Beliau kemudian menyertai hadirin untuk menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Terawih.

Hadir sama Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Zawawi Mahmuddin; Ketua Pengarah Penyiaran Alimusa Sulaiman; Ketua Pengarah Finas Mohd Syariff Ahmad dan Ketua Pengarah Filem Negara, Syed Hamzah Syed Othman.

(END)